

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KETIGA BELAS**

---

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : DR. ISMAIL BIN DAUT  
[MERBOK - BN]**

**SOALAN (NO.40)**

Minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan berapakah jumlah keseluruhan penyertaan rakyat Malaysia di Hari Sukan Negara (HSN) 2016 dan apakah usaha Kementerian bagi memastikan rakyat Malaysia untuk terus menjadikan sukan sebagai gaya hidup dan bukan hanya ketika program anjuran Kerajaan seperti program Fit Malaysia dan HSN.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Hari Sukan Negara telah berjaya dilaksanakan pada 8 Oktober 2016 dan telah mencapai penyertaan melebihi 7 juta orang dengan pelaksanaan sebanyak 20,529 aktiviti di seluruh negara. Bagi memastikan rakyat Malaysia untuk terus menjadikan sukan sebagai gaya hidup dan bukan hanya ketika program Hari Sukan Negara dan FitMalaysia, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) turut menyediakan program-program sukan yang berterusan sepanjang tahun. Program-program yang dilaksanakan di pelbagai peringkat terutama di peringkat akar umbi merangkumi elemen sukan kecergasan, sukan OKU, [FitMalaysia@community](mailto:FitMalaysia@community), Liga Sukan Untuk Semua (LiSUS), sukan pemotoran, sukan rekreasi, sukan ekstrem dan sukan rakyat.
  
2. Walau bagaimanapun, semua pihak termasuk kerajaan negeri, agensi-agensi kerajaan, sektor swasta, pemimpin-pemimpin tempatan, badan bukan kerajaan, keluarga dan masyarakat perlu memainkan peranan yang penting untuk menjadikan sukan sebagai gaya hidup termasuk bagi merealisasikan 50% pembudayaan sukan dikalangan masyarakat menjelang tahun 2020.

Sekian, terima kasih.